

24 JUL 2002

Majikan-Insentif

MEF MINTA INSENTIF CUKAI BAGI SYARIKAT AMBIL PEKERJA KURANG UPAYA

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Kerajaan diminta memberikan insentif cukai atau subsidi kepada majikan yang berhasrat mengambil pekerja dari golongan kurang upaya.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) Shamsuddin Bardan berkata insentif itu untuk tujuan mengubahsuai tempat kerja serta menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas lain kepada pekerja dari golongan berkenaan.

Katanya permintaan itu dimasukkan dalam memorandum Belanjawan 2003 yang diserahkan MEF kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan.

"Kalangan majikan swasta berpendapat bahawa pekerjaan yang diperlukan oleh golongan kurang upaya ini hendaklah bersesuaian dengan keadaan kecacatan, kemampuan fizikal dan mental serta kemahiran yang sewajarnya," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya majikan di sektor swasta ingin membantu golongan kurang upaya memperoleh pekerjaan yang sesuai dengan kebolehan dan keupayaan mereka.

Antaranya termasuk bekerjasama dengan Persatuan Orang Buta Malaysia bagi mencari pekerja dan Kementerian Sumber Manusia bagi merangka "Kod Amalan Penggajian Orang Kurang Upaya di Sektor Swasta," katanya.

Beliau tidak bersetuju dengan kenyataan Pengarah Standard Perburuhan, Jabatan Buruh Semenanjung, Wahab Salleh yang dilaporkan akhbar hari ini bahawa usaha kerajaan membantu golongan kurang upaya mendapatkan pekerjaan belum tercapai disebabkan sikap negatif majikan sektor swasta.

Katanya banyak syarikat di kalangan anggota MEF mengambil golongan kurang upaya dalam jumlah yang besar untuk bertugas di syarikat masing-masing termasuk Kumpulan New Straits Times, B. Braun Medical Industries Sdn Bhd, Kulitkraf Sdn Bhd, Unilever (M) Sdn Bhd, Tan Chong Motor Assembles Sdn Bhd, KFC Holdings Malaysia Bhd dan Chippac Malaysia Sdn Bhd.

-- BERNAMA

RZS ZS RON